

01 JUN 2003

Abdullah-Umno

PENDIDIKAN, AGAMA DAN EKONOMI ISU PENTING PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

PETALING JAYA, 1 Jun (Bernama) -- Isu pendidikan, agama dan ekonomi adalah antara tiga topik utama yang akan dibincang dan dibahaskan dalam perhimpunan agung Umno selama lima hari mulai 17 Jun ini, kata Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata ketiga-tiga isu itu adalah penting untuk dibincangkan kerana berlaku banyak perubahan membabitkan tiga bidang itu dalam tempoh setahun lalu.

Timbalan Perdana Menteri berkata sebagai contohnya ialah pencerobohan terhadap Iraq serta wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) yang telah membawa kesan negatif kepada ekonomi dunia dan negara.

Bercakap kepada pemberita selepas menutup persidangan ke-32 Speaker Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri di sini, Abdullah berkata pakej ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad baru-baru ini juga dijangka akan dibincangkan dalam perhimpunan kali ini.

"Saya percaya perhimpunan agung Umno akan membahaskan isu ini dan memberi sokongan kuat," katanya ketika ditanya mengenai persiapan perhimpunan agung tersebut.

Abdullah berkata beliau berharap para perwakilan akan memberikan perhatian kepada isu-isu itu dan mereka juga akan diberi peluang untuk membahaskannya.

Mengenai persiapan perhimpunan, beliau berkata ia berjalan dengan baik dan jawatankuasa usul sedang giat membuat deraf usul yang perlu dibincangkan serta dikemukakan kepada Majlis Tertinggi untuk kelulusan.

Abdullah juga berkata akan ada usul-usul yang berkaitan ucapan dasar presiden parti.

-- BERNAMA

RV HM MOZ